

**GARIS PANDUAN PENULISAN KERTAS KERJA ICCEIW 2024
UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH (UNIPSAS)**

1. SYARAT-SYARAT

- 1.1 Kertas kerja yang hendak disumbangkan mestilah mematuhi syarat-syarat berikut:
- a. Kertas kerja yang dihantar mestilah karya asli dan tidak pernah diterbitkan atau diterima untuk penerbitan oleh mana-mana jurnal lain.
 - b. Kertas kerja hendaklah disusun mengikut urutan yang berikut:
 - Tajuk
 - Nama penulis
 - Abstrak
 - Kata kunci
 - Teks
 - Rujukan
 - Alamat, nombor telefon dan jawatan penulis semasa menghantar penulisan.
 - c. Sistem Transliterasi yang digunakan dalam penulisan perlu bersesuaian.

2. FORMAT PENULISAN

- 2.1 Artikel boleh ditulis di dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau bahasa Arab.
- 2.2 Panjang artikel di antara 3,000-5,000 patah perkataan atau tidak melebihi 10 halaman.
- 2.3 Artikel hendaklah ditulis dengan berpandukan format berikut:
- Program : Microsoft Word
 - Jenis fon (Rumi) : Times New Roman
 - Saiz fon (Rumi) : 12
 - Jarak baris teks : 1.0
 - Saiz fon nota kaki (Rumi) : 10
 - Jenis fon (Arab/Jawi) : Traditional Arabic
 - Saiz fon (Arab/Jawi) : 16
 - Saiz Fon nota kaki (Arab/Jawi) : 14
 - Jarak baris nota kaki dan petikan : 1.0
- 2.4 Rujukan dalam teks dan bibliografi hendaklah mengikut format sistem penulisan APA (American Physiological Association) edisi terkini.

- 2.5 Format Tajuk kertas kerja hendaklah ringkas dan padat. Di bawah tajuk diletakkan:
- Nama penuh penulis (rujuk template penulisan artikel)
- 2.6 Abstrak boleh ditulis dalam bahasa Melayu, bahasa Arab dan Inggeris. Abstrak ditulis dalam bentuk *MS Word Document*. Panjang abstrak hendaklah tidak melebihi 300 patah perkataan. Abstrak perlu mengandungi maklumat yang mengandungi elemen berikut:
- i. Pendahuluan yang merangkumi permasalahan dan objektif kajian;
 - ii. Metodologi kajian yang digunakan;
 - iii. Hasil utama kajian seperti teori baru, istilah, tafsiran atau penilaian yang dinyatakan dengan tepat; dan
 - iv. Kesimpulan.
- Saiz tulisan 11, jenis Times New Roman (*Italic*), langkau sebaris (*single-spaced*) dan *justified*.
- Kata kunci tidak melebihi lima perkataan (tiga hingga lima perkataan). Saiz kata kunci 11, jenis Times New Roman (Normal) dan *justified*.
- 2.7 Kertas kerja @ abstrak yang dihantar perlu dibuat dalam salinan lembut (*softcopy*) dan dihantar melalui e-mel ke: rabitaconference@unipsas.edu.my atau melalui pautan berikut: <https://submit.confbay.com/conf/icceiw2024>
- 2.8 Kertas kerja hendaklah disertakan dengan satu lampiran yang mempunyai nama penuh, alamat surat-menyurat, email, nombor telefon pejabat dan telefon bimbit penulis.
- 2.9 Tarikh akhir penghantaran kertas kerja lengkap sebelum atau pada **25 Mac 2024**.